



PENGUAT KUASA PTB Batu Pahat melakukan pemeriksaan sekitar Empangan Bekok yang diceroboh secara haram.

Penceroboh Empangan Bekok kena tahan

Tiga lelaki ditangkap ketika bersihkan kawasan

Oleh Mohamed Farid Noh
mfarid@bharian.com.my

BATU PAHAT: Pendedahan *Berita Harian* mengenai pencerobohan terhadap hutan sekitar Empangan Bekok baru-baru ini, membawa kepada tangkapan tiga lelaki ketika mereka sedang membersihkan sebahagian kawasan di situ dengan menggunakan jentolak untuk menanam sawit.

Tangkapan itu dilakukan dalam operasi bersepadu oleh Penguat kuasa Pejabat Tanah Daerah (PTD) Batu Pahat dan Labis, susulan pendedahan akhbar ini mengenai lebih 800 hektar hutan sekitar Empangan Bekok dan Empangan Sembrong diceroboh untuk dijadikan tapak pertanian dan penternakan haram sejak beberapa tahun lalu.

Pentadbir Tanah Daerah Batu Pahat, Mahadon Marnin berkata, operasi bersepadu di kawasan hutan Empangan Bekok itu menahan tiga lelaki tempatan pada Sabtu lalu.

“Susulan pendedahan *Berita Harian* itu, tujuh penguat kuasa PTD Batu Pahat diketuai Penolong Pentadbir Tanah Daerah, Mohd Faiz Mohd Salleh dan dua kakitangan PTD Kecil Labis, membuat rondaan di kawasan hutan Empangan Bekok mulai jam 7.30 pagi.

“Kira-kira jam 11.30 pagi, mereka terserempak tiga lelaki sedang menjalankan kerja pembersihan dengan menggunakan jentolak di kawasan seluas kira-kira lapan hektar sebelum mereka diarah menghentikan aktiviti itu sebelum ditahan untuk soal siasat.

“Mereka kemudian dibawa ke Balai Polis Paloh untuk laporan



SEBUAH jentolak dipercayai digunakan untuk membersihkan sekitar kawasan Empangan Bekok disita.

sebelum dilepaskan dengan jaminan polis. Kami turut menyita jentolak yang digunakan sebelum dibawa keluar dengan bantuan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS). Jentolak terbabit sudah dibebaskan dengan bon jaminan RM20,000 pada Isnin lalu, “katanya kepada *Berita Harian* semalam.

Mahadon berkata, semua suspek sedang disiasat dan akan didakwa mengikut Seksyen 425(1) Kanun Tanah Negara kerana pencerobohan serta menduduki tanah milik kerajaan, yang sabit kesalahan boleh didenda hingga RM10,000 atau penjara hingga setahun atau keduanya sekali.

Minggu lalu, *Berita Harian* mendedahkan pencerobohan di kawasan hutan Empangan Bekok yang berkeluasan 2,062 hektar itu boleh mengancam kawasan tadahan air utama negeri ini yang membekalkan air untuk berjuta penduduk.

Mahadon berkata, pencerobohan

terhadap kawasan hutan Empangan Bekok dan Sembrong kini terkawal berikutan kekerapan operasi bersepadu yang dijalankan sejak 2002.

“Namun, kami mengakui tenaga kerja yang kecil berbanding kawasan Empangan Bekok berkeluasan 326 kilometer persegi dan Empangan Sembrong berkeluasan 130 kilometer persegi, menjadikan usaha kami agak terbatas.

“Namun, PTD tidak akan berkompromi dengan pencerobohan yang berlaku kerana mereka mengancam kawasan tadahan air utama negeri ini, sekali gus menyebabkan bekalan air negeri ini terganggu.

“Kami akan meneruskan operasi bersepadu bersama pelbagai agensi lain dan tidak akan teragak-agak akan mengambil tindakan tegas termasuk menangkap, menyita serta mengeluarkan notis penguatkuasaan kepada mana-mana pihak yang ditemui menodai kawasan hutan empangan kita, “katanya.